



KEDAULATAN DAN ADAT MELAYU

Kedaulatan dan adat Melayu adalah dua perkara utama dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, bagi kebanyakan orang termasuklah para sarjana undang-undang dan sejarawan, kedaulatan dan adat Melayu dilihat secara berasingan seolah-olah adat Melayu tiada tempat dalam jurisprudens atau falsafah undang-undang Negara. Bahkan, ciri-ciri sebenar kedaulatan Malaysia amat jarang diberi penekanan khususnya apabila membicarakan prinsip perlembagaan. Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan (*Constitutional Working Committee Report*) bertarikh 18 November 1946 menyebut bahawa kedaulatan di setiap Negeri Melayu hendaklah kekal seperti sebelumnya pada Duli Yang Maha Mulia Raja di negeri itu mengikut adat Melayu (C.O 537/1530 No. 50823 Part III). Kenyataan itu membuktikan betapa pentingnya adat Melayu dalam pentafsiran ciri-ciri kedaulatan Malaysia. Hal ini kerana kedaulatan mengikut adat Melayu itulah prinsip sebenar yang menginstitusikan perlembagaan di setiap Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Isu kedaulatan Raja-raja Melayu mula hangat diperdebatkan selepas British memperkenalkan *Malayan Union* pada 1 April 1946. *Malayan Union* ditentang oleh orang-orang Melayu kerana kerangkanya berbeza dengan apa yang direpresentasikan oleh Sir Harold MacMichael dan jaminan Newbould kepada Raja-raja Melayu.

Justeru, keputusan dasar dicapai dalam Jawatankuasa Kerja Perlembagaan yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946 untuk memansuhkan *Malayan Union*, seterusnya kedaulatan Raja-raja bagi setiap Kerajaan Negeri dipertegaskan semula seperti sebelum Perang Dunia ke-2. Hal itu dinyatakan oleh Simon (1995: 71) bahawa kepentingan isu kedaulatan bagi Raja-raja Melayu terserlah apabila isu tersebut terkandung dalam cadangan berkaitan kerajaan Negeri. Raja-raja Melayu menuntut Raja England untuk memberi jaminan dan terus memperakui kedaulatan di setiap Negeri Melayu terpasak kukuh pada diri Raja negeri masing-masing mengikut adat Melayu. Syarat-syarat tersebut diulang dalam syor Laporan Jawatankuasa Kerja berkaitan kerajaan Negeri. Prinsip kedaulatan Raja Melayu mengikut adat Melayu penting kerana Perlembagaan Persekutuan diinstitusikan oleh kedaulatan mereka. Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan kedaulatan Raja-raja Melayu mengikut adat Melayu dari sudut sejarah undang-undang Negara. Perbahasan di atas amat mustahak untuk menilai sejauh mana pengaruh adat Melayu dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan pada hari ini. Dapatan di sini dapat menonjolkan kedudukan adat Melayu di sisi undang-undang yang selama ini disoroti dalam ruang yang terlalu sempit dan lebih bersifat warisan kebudayaan. Pada hakikatnya, prinsip adat Melayu perlu dirujuk terlebih dahulu sekiranya ada lompong atau lakuna dalam peruntukan bertulis undang-undang negara, bukannya amalan *Westminster* atau kes-kes mahkamah di negara-negara lain.

KEDAULATAN DALAM PERLEMBAGAAN

Makalah ini menjadikan ‘kedaulatan mengikut adat Melayu’ sebagai subjek utama. Hal ini adalah mustahak kerana frasa tersebut bukan sahaja disebut dalam Laporan Jawatankuasa Kerja Perlembagaan 1946, bahkan mendasari kedaulatan dalam Perjanjian Negeri bertarikh 21 Januari 1948 dan Perkara 181 (1) Perlembagaan Persekutuan. Prinsip kedaulatan Negara kita perlu dihuraikan kerana atas premis tersebut, istilah ‘kedaulatan undang-undang’ (*rule of law*) akan lebih jelas difahami.

Perjanjian Negeri 1948 mempunyai kedudukan undang-undang tersendiri kerana terma-termannya adalah batu asas bagi penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, kemudiannya dilanjutkan sebagai Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perjanjian Negeri menetapkan bahawa kedaulatan Raja-raja Melayu adalah prerogatif,